



**Circular No 003/2023/LW
Dated 22 Sept 2023**

To Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (“YBGK”) lawyers

**Enforcement of the Revision of Sentence of Death and Imprisonment
for Natural Life (Temporary Jurisdiction of the Federal Court) Act 2023 [Act 847]**

The Revision of Sentence of Death and Imprisonment for Natural Life (Temporary Jurisdiction of the Federal Court) Act 2023 [Act 847] (“the Act”) came into effect on 12 Sept 2023. Please click [here](#) to view the media statement dated 11 Sept 2023 issued by the Minister in the Prime Minister’s Department (Law and Institutional Reform), Dato’ Sri Azalina Othman Said (see pages 2 and 3).

Under this Act, prisoners who were sentenced to imprisonment for natural life and cannot afford to appoint their own lawyer to represent them in the review process will be assisted by YBGK. Please click [here](#) to view the notice issued by the YBGK Headquarters regarding this matter, including the rates of payment (see pages 4 to 7).

As for the prisoners who received the mandatory death sentence and cannot afford to appoint their own lawyer for the review process, they will be assisted under the Court-Assigned Counsel programme. The Bar Council Criminal Law Committee will be issuing a circular to inform Members of the Bar about this matter.

The application for review to the Federal Court will be done by the Prison Department within three months from the effective date of the Act. Please click [here](#) to view the flow chart detailing the mechanism for handling applications to review the imprisonment for natural life sentence (see page 6).

Our state Legal Aid Centres (“State LACs”) will approach YBGK lawyers who are qualified to do appeal matters to assist in the review process. Please contact our State LACs should you have any enquiries about this matter. The contact information for all the State LACs can be found [here](#).

Thank you.

**Roshalizawati Muhammad and Abdul Fareed Abdul Gafoor
Co-Chairpersons
National Legal Aid and YBGK Committee**



KENYATAAN MEDIA

PENGUATKUASAAN AKTA SEMAKAN HUKUMAN MATI DAN PEMENJARAAN SEPANJANG HAYAT (BIDANG KUASA SEMENTARA MAHKAMAH PERSEKUTUAN) 2023 [AKTA 847]

PUTRAJAYA, 11 September 2023 – Berikutan daripada penguatkuasaan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 pada 4 Julai 2023, Kerajaan Perpaduan selanjutnya akan **menguatkuasakan Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 [Akta 847]** pada **12 September 2023**.

Jemaah Menteri pada 30 Ogos 2023, telah bersetuju dengan mekanisme pengendalian prosiding Mahkamah berhubung dengan semakan hukuman mati mandatori dan pemenjaraan sepanjang hayat yang telah dicadangkan hasil daripada pelbagai sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk Jabatan Peguam Negara, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPM), Jabatan Penjara Malaysia, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Majlis Peguam Malaysia, Sabah Law Society (SLS) dan Advocates Association of Sarawak (AAS) bersama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU JPM).

Pelaksanaan mekanisme pengendalian prosiding Mahkamah ini akan membolehkan kesemua 1020 banduan yang telah dikenakan hukuman mati mandatori dan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat, memfailkan permohonan di mahkamah untuk membuat semakan kepada hukuman masing-masing. Keutamaan kepada

pelaksanaan mekanisme ini merangkumi faktor-faktor seperti **umur banduan, tahap kesihatan dan tempoh pemenjaraan banduan serta pertimbangan-pertimbangan lain.**

Dalam menjamin akses kepada keadilan dan memelihara prinsip kesaksamaan, Kerajaan Perpaduan melalui mekanisme yang dipersetujui telah bersetuju supaya banduan yang dikenakan hukuman mati dan tidak berkemampuan untuk melantik peguam bagi mewakili mereka dalam proses semakan hukuman tersebut boleh mendapatkan khidmat guaman melalui peguam yang dilantik oleh Mahkamah (*Court Assigned Counsel*). Manakala, bagi banduan yang dikenakan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat, mereka boleh mendapatkan khidmat guaman daripada YBGK. Kedua-dua perkhidmatan bantuan guaman yang ditawarkan ini mencerminkan keutamaan dan pendirian Kerajaan dalam memastikan keadilan diberikan kepada semua rakyat Malaysia.

Penguatkuasaan Akta 847 melalui mekanisme yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri turut mencerminkan komitmen yang tinggi oleh Kerajaan dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia sejagat. Hal ini membuktikan bahawa prinsip *restorative justice* dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia adalah sentiasa terpelihara. Malahan, ini juga membuktikan keprihatinan Kerajaan Perpaduan untuk memberi peluang kedua kepada banduan yang dikenakan hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat untuk kembali kepada masyarakat dan keluarga serta meneruskan kelangsungan hidup mereka sebagai rakyat biasa.

AZALINA OTHMAN SAID

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-undang dan Reformasi Institusi)
11 SEPTEMBER 2023



Ruhil Amal Abdul Razak <ruhil@malaysianbar.org.my>

PENGUATKUASAAN AKTA SEMAKAN HUKUMAN MATI DAN PEMENJARAAN SEPANJANG HAYAT (BIDANG KUASA SEMENTARA MAHKAMAH PERSEKUTUAN) 2023 [AKTA 847]

nurakmal.farhan <nurakmal.farhan@ybgk.org.my>

Thu, Sep 14, 2023 at 3:34 PM

To: rajen <rajen@malaysianbar.org.my>, rogerchin <roger.chin@chinlauwongfoo.com.my>, gurvirsinghs

<gurvirsinghs@yahoo.com>

Cc: karen cheah yee lynn <kckarencyl@gmail.com>, Ravi Chandran <ravichandranc@gmail.com>, fareedgafoor

<fareedgafoor@yahoo.com>, Leeza Muhammad <cja4ct@gmail.com>, ruhil <ruhil@malaysianbar.org.my>,

nazimabuzahra <nazimabuzahra@gmail.com>, ybgk <ybgk@sabahlawsociety.org>, christinelimaas

<christinelim.aas@gmail.com>, aascentralybgk <aascentral.ybgk@gmail.com>, Noramilia Amilia

<noramilia@ybgk.org.my>, nuraini <nuraini@ybgk.org.my>, ainaa <ainaa@ybgk.org.my>, yusmaniza

<yusmaniza@ybgk.org.my>

Salam Sejahtera,

Tuan,

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sepertimana tuan sedia maklum, Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidangkuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 [Akta 847] telah berkuat kuasa pada 12 September 2023.

3. Jemaah Menteri pada 30 Ogos 2023, telah bersetuju dengan mekanisme pengendalian prosiding Mahkamah berhubung dengan semakan hukuman mati mandatori dan pemenjaraan sepanjang hayat yang telah dicadangkan hasil daripada pelbagai sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan, antaranya, termasuk YBGK, Majlis Peguam Malaysia, Sabah Law Society, dan Advocates Association of Sarawak.

4. Berdasarkan peruntukan subseksyen 4(1) Akta 847, Mahkamah Persekutuan telah diberi bidang kuasa untuk mendengar permohonan semakan semula bagi semakan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat. Dalam menjamin akses kepada keadilan dan memelihara prinsip kesaksamaan, Kerajaan melalui mekanisme yang dipersetujui **telah bersetuju supaya banduan yang dikenakan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat dan tidak berkemampuan untuk melantik peguam bagi mewakili mereka dalam proses semakan hukuman tersebut boleh mendapatkan khidmat guaman daripada YBGK.** Setakat 25 Julai 2023, rekod daripada Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan seramai 114 banduan yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan sepanjang hayat.

5. Bagi tujuan penyelarasan pemfailan permohonan untuk semakan ke Mahkamah Persekutuan, pihak Jabatan Penjara Malaysia akan memfailkan Notis Usul dan affidavit sokongan dalam tempoh masa tiga bulan dari tarikh kuat kuasa Akta 847. Pada masa yang sama, banduan akan turut memberi maklum balas

berhubung keperluan untuk mendapatkan khidmat peguam daripada YBGK atau melantik peguam sendiri. Carta alir bagi pemfailan permohonan semakan untuk hukuman pemenjaraan sepanjang hayat di Mahkamah Persekutuan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

6. Bagi maksud pelaksanaan pengendalian prosiding semakan terhadap hukuman pemenjaraan sepanjang hayat, YBGK akan memberi khidmat bantuan guaman kepada semua banduan termasuk banduan bukan warganegara Malaysia. Bayaran fi getting up serta lain-lain bayaran yang ditetapkan kepada peguam panel YBGK adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

7. Pembiayaan Kerajaan bagi kos perkhidmatan peguam panel YBGK untuk melancarkan pelaksanaan Akta 847 ini diharap dapat memberi peluang kepada tertuduh yang tidak berkemampuan untuk melantik peguam mendapat akses kepada keadilan.

8. Perhatian dan kerjasama pihak tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

NURAKMAL FARHAN BIN AZIZ

Pegawai Eksekutif

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan

No.Pendaftaran: 201101002803(930941-W)

Tel: +603-22711102 / +6012-9051041

www.ybgk.org.my

2 attachments



LAMPIRAN 1.pdf

93K




LAMPIRAN 2.pdf

117K

CARTA ALIR

MEKANISME PENGENDALIAN PERMOHONAN SEMAKAN PEMENJARAAN SEPANJANG HAYAT



LAMPIRAN 2

BIL.	PERKHIDMATAN	KADAR	CATATAN
1.	Semakan semula hukuman di Mahkamah Persekutuan	<ul style="list-style-type: none">• RM1800 seorang banduan	<ul style="list-style-type: none">• Amaun di bayar setelah semakan selesai.• Perlukan surat Perintah daripada mahkamah.• Dibayar sekali sahaja walaupun perbicaraan lebih dari sehari.• Seorang peguam boleh mewakili maksimum 5 banduan, sekiranya lebih, kelulusan ibu pejabat hendaklah diperolehi terlebih dahulu.• Kriteria bagi Peguam YBGK:<ul style="list-style-type: none">• telah menjalankan amalan guaman minimum 5 tahun;• telah mengendalikan sendiri minimum 5 perbicaraan jenayah; dan• telah mengendalikan sekurang-kurangnya 2 rayuan jenayah di Mahkamah Rayuan.
2.	Menghadiri Mahkamah untuk sebutan/pengurusan kes	<ul style="list-style-type: none">• RM50	
3.	Tutup fail	<ul style="list-style-type: none">• RM100	